

**IG perlu jadi Institut Penuaan Kebangsaan**

SERDANG, 3 April – Pengiktirafan yang diterima oleh penyelidik Institut Gerontologi (IG) Universiti Putra Malaysia (UPM) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa membuktikan kemampuannya mengorak menjadi sebuah Institusi Penyelidikan Penuaan Kebangsaan.

Naib Canselor UPM, Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi berkata IG mampu menjadi pusat rujukan penuaan terutama dalam usaha menggubal dasar dan merangka program berkaitan warga emas.

"Aktiviti IG merupakan sebahagian daripada usaha pengantarabangsaan dan peluasan jaringan dengan penyelidik dan agensi antarabangsa. Ini meletakkan UPM sebagai 'focal point' penyelidikan penuaan serantau," katanya semasa merasmikan Sambutan Sepuluh Tahun Penubuhan Institut Gerontologi.



Beliau berkata jangkama sepuluh tahun pertama yang merupakan fasa pembentukan asas di dalam bidang gerontologi di Malaysia berjaya memainkan peranannya sebagai institut penyelidikan bidang gerontologi yang terulung.

Dato' Dr. Ir. Radin Umar berkata peningkatan populasi golongan tua di Malaysia menuntut IG memberi tumpuan pembangunan berkaitan warga emas negara.

Antara pencapaian IG ialah merangkul pingat emas, perak dan gangsa pada Pameran Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) UPM dan Pameran Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) selain menerima geran penyelidikan daripada WHO, UNESCO, UNFPA dan Universiti Kyoto Jepun.



Pada peringkat nasional, sebanyak 37 geran penyelidikan diterima daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Ramai tenaga pakar IG memainkan peranan aktif di dalam pertubuhan profesional seperti Institut Penuaan Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malta, Akademi Perubatan Singapura dan Persatuan Ekonomi Pengguna ASEAN.



IG turut memberi sumbangan kepada komuniti melalui program pemindahan ilmunya yang dikenali sebagai Program University of the Third Age (U3A) atau Universiti Era Ketiga yang telah bermula sejak tahun 2007.

Program U3A yang mendapat sambutan daripada masyarakat memberikan tumpuan kepada perkembangan golongan warga emas dengan menyelaras aktiviti pembelajaran mereka atau dikenali dengan pembelajaran sepanjang hayat.



Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm), Muhamad Najkhan Mazlan 03-89466130 dan foto oleh Marina Ismail 03-89466199

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia